HEBAHAN DIGITAL

OKTOBER
A/2026

OBJEKTIF POLISI KESELAMATAN SIBER (PKS) MBDK

Polisi Keselamatan Siber (PKS) MBDK digubal bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- Memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat serta aset ICT MBDK sentiasa terpelihara daripada sebarang ancaman, pencerobohan, penyalahgunaan atau kehilangan yang boleh menjejaskan operasi organisasi.
- Memastikan pematuhan terhadap keperluan keselamatan siber, perundangan, peraturan, pekeliling dan standard yang berkuat kuasa bagi menjamin tadbir urus keselamatan maklumat yang sistematik, konsisten dan berkesan.
- Mengurus dan mengurangkan risiko keselamatan siber secara proaktif dan berterusan melalui pelaksanaan proses penilaian risiko, kawalan keselamatan serta tindakan mitigasi yang bersesuaian.
- Menjamin kesinambungan penyampaian perkhidmatan digital dan operasi kritikal MBDK dengan memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan, daya tahan dan keupayaan pemulihan organisasi terhadap sebarang insiden atau gangguan keselamatan siber.
- Meningkatkan tahap kesedaran, kompetensi dan akauntabiliti semua pengguna dalam melaksanakan tanggungjawab bagi melindungi aset ICT, maklumat organisasi dan perkhidmatan digital MBDK daripada ancaman keselamatan siber.

Sumber : Polisi Keselamatan Siber MBDK Versi 2.0
Grafik : Jabatan Teknologi Maklumat